



METERAI
...Adnan (kiri)
bertukar
dokumen
dengan Dr Tai
pada majlis
menandatangani
memorandum
persefahaman
antara MPSJ
dan UPM.

MPSJ, UPM jalin kerjasama

SUBANG JAYA: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) membabitkan lima skop utama iaitu penyelidikan, pengembangan, perundingan, latihan dan akademik dalam bidang perhutanan.

Kerjasama itu hasil pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara MPSJ dan UPM yang turut membawa kepada kesediaan MSPJ menyediakan latihan praktikal kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam itu.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Adnan Mohd Ikhsan berkata, perjanjian lima tahun yang bertemakan 'Perkongsian Bestari' itu akan dapat dimanfaatkan bersama berdasarkan program yang akan diaturkan.

"MPSJ berharap usaha ini menghasilkan impak positif dan memberi manfaat kepada semua pihak dalam usaha memastikan visi tercapai untuk mengekalkan bandar ini sebagai sebuah Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman," katanya pada sidang media selepas pemeteraian MoU di Bangunan MPSJ di sini, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Profesor Dr Tai Shzee Yew; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Mohd Fauzi Ramlan; Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid dan Dekan Fakulti Perhutanan UPM, Prof Madya Dr Awang Noor Abdul Ghani.